



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PERUBAHAN KATA DALAM DIALEK MELAYU
SARAWAK MENGIKUT GENERASI PENUTUR***

ZURAINI BINTI SERUJI

FBMK 2014 40



PERUBAHAN KATA DALAM DIALEK MELAYU SARAWAK MENGIKUT GENERASI PENUTUR

ZURAINI BINTI SERUJI

DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

2014



PERUBAHAN KATA DALAM DIALEK MELAYU SARAWAK MENGIKUT GENERASI PENUTUR



Tesis Ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah Universiti Putra
Malaysia sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

Mei 2014

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

*Buat suamiku yang tercinta **JAPAR BIN HAJI HASHIM***

Kau menjadikan aku insan yang berjiwa kental

Kau sanggup memerah keringat demi melihat kejayaanku

Kau kekuatan dan pembakar semangat di kala aku kegelisahan

Kesungguhan dan pengorbananmu tiada nilai tara

Sejuta terima kasih dan kasih sayang kerana merestui perjuanganku...

*Buat bonda yang bernama **HASIAH BT JAJOL***

Walaupun dirimu tidak berkesempatan melihat kejayaanku

Namun aku percaya dirimu amat bangga akan anakmu ini

Sejuta kasih dan segunung rindu buatmu yang menjadikan aku insan tabah

Kuhargai segala pengorbananmu, setiap detik hayatmu dipenuhi doa buat diriku

Kuingati setiap pesananmu, dikaulah sumber inspirasi kejayaanku

Kejayaanku adalah hadiah buat kasih sayangmu

Buat puteri dan puteraku tersayang

NUR HAZIQAH dan MUHAMMAD HAZIQ AL HARITH

Ada kalanya ibu leka akan tanggungjawab terhadap kalian...

Seikhlas kemaafan ibu pohon daripada kalian

Sepenuh penghargaan atas pengertian kalian

Akhirnya kejayaan ibu adalah untuk kalian...

Buat ayah, adik-beradik, serta keluarga, terima kasih atas sokongan

Teman-temanku yang sentiasa di sisi kala suka duka

Kuharapkan ikatan kasih dan persahabatan kekal abadi

Semuanya amat bererti buat diriku....

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Doktor Falsafah

PERUBAHAN KATA DALAM DIALEK MELAYU SARAWAK MENGIKUT GENERASI PENUTUR

oleh

ZURAINI BINTI SERUJI

Mei 2014

Pengerusi: Profesor Madya Noor Aina Dani, PhD

Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi

Tesis ini mengemukakan pernyataan masalah bahawa dialek Melayu Sarawak mengalami perubahan seiring dengan gaya kehidupan masyarakat penutur. Tuntutan komunikasi semasa, termasuk pengaruh hebat daripada ledakan teknologi seperti internet mempercepat arus perubahan dialek Melayu Sarawak, di samping pengaruh kuat bahasa Inggeris. Hakikat inilah yang mendorong penyelidik menganalisis fenomena tersebut secara tuntas. Skop kajian penyelidikan ini mencakupi usaha pengumpulan kata dialek Melayu Sarawak yang berubah mengikut generasi penutur yang berlainan, mengolah gagasan teori Sistem Tanda Bahasa Berstruktur Ferdinand de Saussure, kata tabu, teori Stratum Bawah Aitchison, dan kata kognat dalam senarai Swadesh. Kajian ini melibatkan sebanyak 316 sampel yang terdiri daripada 4 generasi penutur dialek Melayu Sarawak, iaitu tua, dewasa, remaja, dan kanak-kanak di kawasan Demak Baru Fasa 1, 2 & 3 dalam Petra Jaya, Kuching, Sarawak. Kaedah tinjauan lapangan dengan senarai semak perkataan, soal selidik dan temu bual digunakan untuk memperoleh data kajian.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa generasi tua mempunyai pengetahuan tentang leksikal asli dialek Melayu Sarawak sebanyak 56 peratus. Pengetahuan leksikal asli generasi dewasa adalah sebanyak 23 peratus, pengetahuan generasi remaja adalah

sebanyak 20 peratus manakala kanak-kanak paling sedikit, hanya satu peratus. Data ini menunjukkan bahawa dialek Melayu Sarawak sedang dilanda perubahan pada tingkat kedua tekanan bahasa, iaitu di pinggiran. Bahasa pada tingkat pinggiran masih hidup dan masih mempunyai jumlah penutur yang agak banyak tetapi bilangan penutur terus menurun. Sifat leksikon dialek Melayu Sarawak dari segi makna yang telah dikenal pasti oleh penyelidik ialah leksem (metafora dan idiom), kata kacukan, kata serapan, kata rujukan, kata adjektif dan kata tabu. Prinsip asas tanda bahasa dalam teori Sistem Tanda Bahasa Berstruktur Ferdinand de Saussure dapat diaplikasikan untuk menjelaskan bahasa pada tataran lebih rendah (dialek Melayu Sarawak) dengan bahasa tataran yang lebih tinggi (bahasa Melayu baku). Kajian ke atas aplikasi teori Stratum Bawah menunjukkan pengurangan peratusan sampel yang memilih dialek Melayu Sarawak sebagai bahasa pertama daripada 15 peratus kepada 3 peratus manakala peratusan bahasa Melayu baku meningkat daripada 3 peratus kepada 9 peratus. Penggunaan dialek Melayu Sarawak sebagai bahasa ibunda dalam kalangan generasi dewasa lebih tinggi daripada generasi tua, diikuti oleh remaja dan tercorot ialah kanak-kanak. Hal ini demikian kerana generasi tua pada ketika itu terpaksa menerima pengaruh bahasa pemerintah semasa demi kelangsungan hidup yang lebih terjamin. Perkaitan kata-kata dialek Melayu Sarawak yang mirip bahasa Melayu baku selaku kata kognat berdasarkan Senarai Swadesh ialah sebanyak 209/270 bersamaan 77.40 peratus.

Sebagai rumusan, hasil kajian ini berguna ke arah langkah pelestarian dialek Melayu Sarawak dalam era teknologi maklumat. Dalam dunia tanpa sempadan, fenomena perubahan bahasa tidak dapat disekat. Penyelidik mencadangkan agar pihak Kementerian Pendidikan Malaysia mengimplementasikan satu kurikulum pengajaran dan pembelajaran dialek Melayu Sarawak di sekolah rendah, seperti yang telah dilaksanakan di negeri Sabah. Pertandingan aktiviti bahasa seperti nyanyian rakyat, puisi dan drama dapat menyuburkan minat generasi kanak-kanak dan remaja menggunakan dialek Melayu Sarawak.

BERILMU BERBAKTI

ZURAINI SERUJI
GS24667

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of
the requirement for the degree of Doctor of Philosophy.

**WORD'S CHANGES IN SARAWAK MALAY DIALECT
BY GENERATION OF SPEAKERS**

By

ZURAINI BINTI SERUJI

May 2014

Chairman : Assoc. Prof. Noor Aina Dani, PhD

Faculty : Modern Languages and Communication

This thesis put forward the problem that the Sarawak Malay dialect undergoes changes in line with the lifestyle of its speakers. The current communication demands, including the intense influence of technology such as the Internet boom accelerate the wave of change to Sarawak Malay dialect, as well as the powerful influence of English. It is this fact, which drives the researcher to analyze the phenomenon thoroughly. The scope of the study account for the efforts in collecting Sarawak Malay dialect words, which change according to the different generations of its speakers, refining the notions of Ferdinand de Saussure theory of Structured Sign Language System, taboo words, Aitchison theory of Substratum, and cognates in the Swadesh list. The study involved a total of 316 samples from four generations of Sarawak Malay dialect speakers, namely the elderly, adults, teens, and young children in the area of Demak Baru Phase 1, 2 & 3 at Petra Jaya, Kuching, Sarawak. The method of a field survey with words checklist; questionnaires and interviews were selected in order to obtain the research data.

Research finding showed that the older generation possessed knowledge of the Sarawak Malay dialect native lexical by about 56 percent. Knowledge of the native lexical by the generation of adults accounted for 23 percent, the teens' knowledge was 20 percent while the young children were the fewest, only one percent. These data indicated that the Sarawak Malay dialect was stricken by changes at the second stage of language pressure, i.e. at periphery. Language at periphery stage is still very much

alive and possess quite a lot of speakers, but the numbers depleting further. The nature of the Sarawak Malay dialect lexicon in terms of meaning which has been identified by the researcher are lexeme (metaphors and idioms), hybrids, assimilation, references, adjectives and taboo words. The basic principle of sign language in Ferdinand de Saussure theory of Structured Sign Language System can be applied to explain the language at a lower level (Sarawak Malay dialect) with a higher-level language (standard Malay language). Research on the application of Substratum theory showed a decreased in the percentage of Sarawak Malay dialect chosen as the first language from 15 to 3 percent while the percentage of Malay language increased from 3 to 9 percent. The use of Sarawak Malay dialect as a native language among adult generation was higher than the older generation, followed by teenagers and the least was the young children. This is because the older generation in their heydays must accept the influence of the current government language for the sake of more sustainable secured life. The association of Sarawak Malay dialect words which are similar to Malay language as cognates based on Swadesh list are 209/270 equivalent to 77.40 per cent.

In summary, the result from this study is beneficial for the step of Sarawak Malay dialect conservation in the era of information technology. In a border less world, the phenomenon of language change is unstoppable. Suggestion put forward by the researcher to the Ministry of Education is to implement a curriculum for teaching and learning of Sarawak Malay dialect in primary schools, as has been done in Sabah. A Competition of language activities such as folk songs, poetry and drama are able to enhance the young children and teens' interest to use the Sarawak Malay dialect.

WITH KNOWLEDGE WE SERVE

ZURAINI SERUJI
GS24667



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia dan Hidayah-Nya, penyelidik dapat menyiapkan tesis ini. Karya tesis ini ditujukan khas buat suami, Japar bin Haji Hashim yang tidak pernah jemu menjadi pendorong dan pembakar semangat, arwah ibu tercinta, Hasiah bt Jajol yang menjadi model kekuatan dan ketabahan. Khas untuk anak-anak tersayang, Nur Haziqah dan Muhammad Haziq Al Harith yang senantiasa menyokong dan pencetus semangat. Seterusnya untuk ayah dan keluarga yang setia di samping sepanjang tempoh pengajian.

Setinggi-tinggi penghargaan dan sedalam-dalam rasa terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Noor Aina Dani, (selaku pengurus) yang telah banyak berkorban masa, dan tenaga dalam memberi sepenuh bimbingan kepada penyelidik dari awal hingga ke saat akhir penulisan penyelidikan ini. Ucapan terima kasih juga khas ditujukan buat Profesor Madya Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Dr. Vijayaletchmy A/P Subramaniam, (selaku ahli jawatankuasa) atas kesudian memberi idea yang bernas dalam membantu penyelidik menyiapkan tesis.

Penyelidik juga ingin merakamkan terima kasih kepada semua pensyarah dan kakitangan sokongan, dan rakan seperjuangan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia. Tidak lupa juga kepada Guru Besar, para guru dan staf sokongan Sekolah kebangsaan Agama Datuk Haji Abdul Kadir Hassan yang telah memberi kerjasama sepanjang tempoh pengajian penyelidik. Terima kasih juga kepada Dewan Bahasa dan Pustaka cawangan Sarawak yang seikhlasnya membantu penyelidik bagi mendapatkan bahan rujukan. Tak lupa juga, jutaan terima kasih untuk semua responden dan informan bagi penyelidikan ini.

Segala rintangan menjadi pemangkin kedewasaan penyelidik dan menjadikan penyelidik seorang yang tabah dalam menghadapi kehidupan mendatang yang lebih mencabar. Penyelidik mengakui sesungguhnya segala yang baik itu datang daripada Allah SWT dan yang buruk itu daripada kelemahan diri penyelidik sendiri. Semoga Allah melimpahkan rahmat dan ganjaran kepada kita. Amin.

BERILMU BERBAKTI

ZURAINI SERUJI

JUN 2014

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 26 Mei 2014 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Zuraini Seruji bagi menilai tesis beliau bertajuk " Perubahan Kata dalam Dialek Melayu Sarawak Mengikut Generasi Penutur " mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putera Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Normaliza Abdul Rahim, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Che Ibrahim HJ. Salleh, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

Abdul Rashid bin Daing Melebek, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

TEO KOK SEONG, PhD

Profesor Datuk

Universiti Kebangsaan Malaysia

Malaysia

(Pemeriksa Luar)

NORITAH OMAR, PhD

Profesor Madya dan Timbalan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 21 Julai 2014

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Noor Aina Dani, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Vijayaletchumy a/p Subramaniam, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 21 Julai 2014

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan, dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hal milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan, atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran, atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh:03 Julai 2014

Nama dan No. Matrik: Zuraini Seruji GS 24667

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan
Nama
Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan

: _____
: Prof. Madya Dr. Noor
Aina Dani

Tandatangan
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : _____
: Prof. Madya Dr.
Zaitul Azma Zainon
Hamzah

Tandatangan
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan

: _____
: Prof. Madya Dr.
Vijayaletchumy a/p
Subramaniam



ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
PENGESAHAN	viii
PERAKUAN	ix
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
BAB	
I PENDAHULUAN	1
Latar Belakang Kajian	1
Perubahan Kata dalam Dialek Melayu Sarawak	3
Penggunaan Bahasa dalam kalangan Masyarakat	5
Melayu di Sarawak	6
Latar Belakang Dialek Melayu Sarawak	6
Latar Belakang Negeri Sarawak	9
Latar Belakang Masyarakat Sarawak di Petra Jaya, Kuching	11
Pernyataan Masalah	11
Objektif Kajian	13
Kepentingan Kajian	14
Skop Kajian	16
Definisi Operasional	16
Kesimpulan	18
II SOROTAN KAJIAN	
Sorotan Kajian tentang Dialek Melayu Sarawak	20
Sorotan Kajian tentang Perubahan Bahasa	28
Sorotan Kajian tentang Teori Perubahan Bahasa	31
Sorotan Kajian tentang Larangan Bahasa	40
Kesimpulan	43
Unsur Persamaan dan Perbezaan antara Kajian ini dengan Sorotan Kajian	45
III METODOLOGI	

Reka Bentuk Kajian	47
Kerangka Teori	47
Kerangka Konsepsi	56
Tempat Kajian	57
Populasi dan Pensampelan	58
Kaedah Kajian	59
Pendekatan Kajian	60
Pemboleh Ubah Kajian	60
Instrumen Kajian	60
Kesahan dan Kebolehpercayaan	61
Tatacara Kajian	61
Kajian Rintis	61
Kajian Sebenar	62
Penganalisisan Data	63
Kesimpulan	63
IV KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	
Rumusan	64
Sifat Kata Dialek Melayu Sarawak yang Berubah Mengikut Penggunaan Masyarakat Penutur	64
Asas Teori Sistem Tanda Bahasa Berstruktur De Saussure dalam Kata Melayu Sarawak Mengikut Generasi Penutur	74
Perubahan Kata dalam Dialek Melayu Sarawak	82
Evolusi Bahasa dalam kalangan Empat Generasi	85
Penutur Dialek Melayu Sarawak	
Sebab Musabab Penutur Dialek Melayu Sarawak menggunakan Bahasa Melayu Baku menggantikan Dialek Melayu Sarawak	87
Perkaitan Kata Kognat antara Dialek Melayu Sarawak dengan Bahasa Melayu Baku	89
Inventori Kata Dialek Melayu Sarawak dan Kata Tabu	100
Rasional Teori dengan Kajian	107
Implikasi Dapatan Kajian	111
Kesimpulan	113
V RUMUSAN DAN CADANGAN	
Rumusan	114
Rumusan Rasional Teori	198
Cadangan untuk Mengelakkan Dialek Melayu Sarawak	120
Merentasi Empat Generasi	
Cadangan Penyelidikan Selanjutnya	121
BIBLIOGRAFI	123
LAMPIRAN	128

- Lampiran A: Inventori Dialek Melayu Sarawak Yang memuatkan Golongan Kata
- Lampiran B: Borang Soal-Selidik Kajian Sebenar
- Lampiran C: Instructional and Material Evaluation Form
- Lampiran D: Borang Soal-Selidik Kajian Rintis
- Lampiran E : Fonologi di luar Kawasan Kuching yang turut dituturkan oleh Orang Melayu di Kuching
- Lampiran G : Proses Pengesahan Audio Dialek Melayu Sarawak
- Lampiran H : Bersama Barisan Pegawai (PDNGK)
- Lampiran I : Perkaitan Kata Kognat Bahasa Melayu Baku dan Dialek Melayu Kelantan
- Lampiran J : Contoh Soal Selidik yang telah disi oleh 4 Orang Sampel Kajian Mengikut Generasi Penutur

BIODATA PELAJAR

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
3.1	Perbezaan Stratum Bawah dengan Pinjaman	52
3.2	Profil Sampel Kajian Mengikut Generasi	59
4.1	Kata Rujukan Peralatan mengikut Pengetahuan 4 Generasi Penutur DMS	70
4.2	Kata Rujukan Perlakuan mengikut Pengetahuan 4 Generasi Penutur DMS	71
4.3	Pengetahuan Kata Adjektif Penutur DMS mengikut Generasi	73
4.4	Komponen <i>Signified</i> dan <i>Signifier</i> dalam kata DMS	79
4.5	Perkaitan kata-kata DMS yang Mirip BMB Selaku Kata Kognat berdasarkan Senarai Swadesh	93
4.6	Jumlah Kata yang diperoleh dari Tinjauan Lapangan	130
4.7	Pengetahuan Kata Tabu DMS Mengikut Generasi Penutur	106
4.8	Kekerapan Penggunaan Bahasa Ibunda sebagai Bahasa Seharian mengikut Generasi	111

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1.1	Peta Negeri Sarawak	10
2.1	Enam Tingkat Tekanan Bahasa	34
3.1	Unit Bahasa Sebagai Entiti Psikologi yang Bermula Dua	48
3.2	Kerangka Konsepsi Penyelidikan	56
4.1	Sifat Leksikon Dialek Melayu Sarawak dari Segi Makna	65
4.2	Bahasa Pertama Sebelum ke Bangku Sekolah	83
4.3	Penggunaan Bahasa Ibunda (DMS) sebagai Bahasa Seharian	86
4.4	Aplikasi Sistem Tanda Bahasa Berstruktur untuk Kata “anak raja” BMB dan DMS	108
5.1	Jumlah Leksikal DMS yang diketahui mengikut generasi: Data Soal Selidik	118

SENARAI SINGKATAN

DMS	Dialek Melayu Sarawak
BMB	Bahasa Melayu Baku
<u>BM</u>	Bahasa Melayu
<u>BD</u>	Bahasa Dusun

BAB 1

PENDAHULUAN

Latar Belakang Kajian

Perubahan bahasa berlaku dalam pelbagai bahasa. Antara proses perubahan bahasa yang utama ialah perubahan bunyi, perubahan kata dan perubahan makna (Amat Juhari Moain, 2007). Salah satu ciri perubahan bahasa yang penting ialah penghasilan neologism, iaitu pembentukan kata, istilah, frasa baharu dan kata yang sedia ada diubah suai, digabung, atau dipisahkan (Brinton & Traugott, 2005). Lazimnya, satu bahasa yang dikongsi bersama kekal untuk beberapa generasi tetapi perkataan dan konsep boleh berubah merentas generasi. Walaupun generasi tua mendapat tempias penggunaan bahasa yang agak berbeza, yang dihasilkan oleh generasi muda, kecelaruan akibat daripada perubahan sedemikian hanya terjadi sekiranya generasi tua sudah tidak memahami bahasa pertuturan generasi muda (Aitchison, 1991).

Kimberley (2001) menegaskan bahawa perubahan dalam sesuatu bahasa berlaku sepanjang masa. Kemunculan kata baharu menyebabkan kata lama semakin kurang digunakan, akhirnya lenyap atau makna kata yang sedia ada diubah mengikut konteks situasi semasa. Proses di sebalik perubahan bahasa melibatkan mekanisme budaya pemerolehan dan pembelajaran bahasa sesuatu masyarakat penutur (Ruth, 2011).

Menurut Amat Juhari Moain (2007), antara proses perubahan bahasa yang utama ialah perubahan kata. Perubahan kata berlaku akibat perubahan morfem, penggantian kata, proses asimilasi, proses haplogli, proses penggembangan, dan proses lewat pembetulan. Beberapa contoh perubahan kata yang pernah dikemukakan oleh Amat Juhari Moain (2007) diperturunkan, yang selebihnya dibincangkan dalam sorotan kajian.

Contoh:

Perubahan morfem:

Melayu kuno: nicari

Melayu moden: dicari

Penggantian kata:

Melayu kuno: warsa

Melayu moden:tahun

Proses asimilasi:

Kata Inggeris: *organization*

Melayu: organisasi

Proses haplogli:

Kata asal: Allahu ma'aka

Kata baharu:alamak

Proses penggembangan:

Kata asal: kumpulan gitar rancak

Kata baharu: kugiran

Proses lewah:

Kata asal: tuladan

Kata baharu: tauladan/teladan

Sebagai perbandingan daripada perubahan kata yang pernah dikemukakan oleh Amat Juhari Moain (2007), proses asimilasi kata bahasa Inggeris juga terdapat dalam dialek Melayu Sarawak. Misalnya, *free lunch* > penggilan (kenduri) dan *cupboard* > kabat (almari).

Kata dalam dialek Melayu Sarawak (seterusnya DMS) mempunyai banyak perkaitan makna dengan kata dalam bahasa Melayu baku (seterusnya BMB), meskipun ada ejaan yang berbeza. Beberapa contoh kata DMS dan gandingannya dengan BMB adalah seperti yang berikut:

DM

tidor [ti.dor]
makan [ma^ŋ.kan]
pande [pan.de]
bagia [ba.gi.ja]
Pak Wa (sulung) [pa^ŋ. wa]

BMB

tidur
makan
pandai
bahagia
Pak Long(sulung)

Penggunaan kata *tidor*, *makan*, *pandey*, *bagia*, dan *Pak Wa* dalam konteks nahu DMS berserta terjemahan ayatnya dalam bahasa Melayu baku adalah seperti yang berikut:

1. *Kau tok dak alah-alah tidor.*
Kamu ni asyik tidur saja.
2. *Kitak pegi makan dolok sinun.*
Awak pergi makan dulu situ.
3. *Anak-anak dak Milah pandey-pandey jak.*
Anak-anak Si Milah pandai-pandai belaka.
4. *Rindok nangar urang idup bagia dengan kluarga.*
Seronok lihat orang hidup bahagia bersama keluarga.
5. *Tanyak ngan Pak Wa, nak makankah sik?*
Tanya Pak Long, nak makankah tak?

Penggunaan kelima-lima kata tersebut mengikut konteks dan situasi sosial diperjelas di bawah:

1. i/ Kau tok dak alah-alah *tidor*. [ti.dor]
ii/ Kau tok dak alah-alah *merancah*. [m★∅.ran.tāh]
iii/ Kau tok dak alah-alah *mutak*. [mu∅.ta∅]

Maksud: Kamu ni asyik tidur saja

Ayat 1 (i) menunjukkan ayat biasa yang memenuhi ciri kesantunan bahasa. Namun demikian, ayat (ii) ialah ayat yang dianggap kasar kerana leksikal *tidor* telah diganti dengan *merancah*, yang menunjukkan leksikal yang kasar dan menghampiri kata tabu. Leksikal *mutak* pula jarang digunakan kerana dianggap sebagai kata tabu. Ayat dalam 1 secara tidak langsung menunjukkan tatatingkat nilai yang terdapat dalam dialek Melayu Sarawak.

2. i/ Nya *nyebal*. [↘★↓.bal]
ii/ Nya makan. [ma↓.kan]
iii/ Nya majoh. [ma↓.dCoh]
iv/ Nya ngujak. [↗u↓.dCā]

Maksud: Dia makan.

Ayat 2 menunjukkan kepelbagaiannya makna untuk kata *makan* dalam dialek Melayu Sarawak. Kata *nyebal* membawa maksud makan ala kadar atau sedikit sahaja sebagai alas perut. Kata *makan* menunjukkan cara dan jumlah makan dengan kadar. Kata *majoh* menjurus kepada kata tabu kerana kata *majoh* bermaksud makan dengan jumlah yang banyak. Seterusnya kata *ngujak* ialah kata yang paling kasar kerana membawa erti seseorang yang makan dengan jumlah yang sangat banyak.

Perubahan Kata dalam Dialek Melayu Sarawak

Dialek Melayu Sarawak mengalami perubahan seiring dengan gaya kehidupan masyarakat penutur. Arus globalisasi mendesak penutur dialek Melayu Sarawak mengharungi pemodenan zaman dalam ilmu, kebudayaan, teknologi dan gaya hidup semasa. Tuntutan keperluan semasa termasuk pengaruh daripada ledakan teknologi maya seperti *facebook* mempercepat proses perubahan kata dalam dialek Melayu Sarawak, selain pengaruh bahasa Inggeris. Bagi segelintir masyarakat Melayu di Sarawak, mereka beranggapan bahawa bertutur menggunakan bahasa asing dapat menunjukkan taraf yang lebih tinggi. Persepsi sebegini serba sedikit menyumbang kepada perubahan kata dalam dialek Melayu Sarawak, khususnya secara asimilasi.

Kebanyakan ahli dalam masyarakat Melayu Sarawak menguasai lebih daripada dua bahasa, sama ada dialek Melayu Sarawak dan bahasa Inggeris atau bahasa sukuan yang lain. Mereka terdiri daripada sama ada penutur dwibahasa aktif atau penutur dwibahasa pasif. Penutur dwibahasa aktif menggunakan dialek Melayu Sarawak dalam komunikasi harian manakala penutur pasif menggunakan dialek Melayu Sarawak

apabila ada keperluan berinteraksi dengan masyarakat. Konteks situasi yang melibatkan penutur dwibahasa pasif, salah satu daripada penguasaan bahasa jarang digunakan dalam pertuturan. Sebaliknya, penutur dwibahasa aktif menggunakan dua bahasa sebagai bahasa harian. Dengan kata lain, bahasa yang digunakan oleh si penutur merupakan bahasa yang aktif. Sehubungan dengan itu, penelitian ini mengambil kira kosa kata daripada bahasa si penutur yang aktif dan biasa digunakan dalam interaksi sosial.

Asmah Haji Omar (2008) menerangkan bahawa dari segi nahu, sesuatu kata dikaji pembentukan unsur dan sistem yang dimasuki oleh unsur tertentu. Dari segi makna, yang dipentingkan ialah mengenal pasti unit yang mendukung pembentukan makna, peluasan dan penyempitan makna, juga perkaitan satu unit makna dengan unit makna yang lain. Penerangan Asmah Haji Omar (2008) dimanfaatkan oleh penyelidik untuk mengkaji perubahan kata dalam dialek Melayu Sarawak mengikut generasi penuturnya. Sehubungan dengan itu, hasil kajian rintis yang telah dijalankan oleh penyelidik mendapati bahawa kosa kata dialek Melayu Sarawak kian mengalami perubahan. Lebih daripada itu, ada beberapa kata yang tidak pernah penyelidik dengar, rupa-rupanya pernah diguna oleh generasi terdahulu dengan makna yang lebih khusus.

Contoh:

DMS

ayan [a.jan]

bakak(bakol) [ba.ka**✉**]

kedorek [k★.do.rek]

belon engkabang [be.lon **✉**.ka.ba**✉**]

cebot, kabat, lemari

[t♦e.bot || ka.bat || l★.ma↓.ri]

Makna

meletakkan barang / kepunyaan
sesuka hati/ berjalan perlahan-lahan.

bakul

bilangan anak yang ramai

helikopter

almari

Sarawak merupakan negeri terbesar di Malaysia. Jumlah bahasa yang digunakan di negeri Sarawak ialah sebanyak 30 hingga 40 bahasa dan dituturkan di merata tempat (Asmah Haji Omar, 2004; Collins, 2004). Sejumlah bahasa tersebut termasuklah dialek Melayu Sarawak yang bilangan penutur lebih kurang 472,173 orang (Mohammed Azlan Mis, 2010).

Dialek Melayu Sarawak ialah bahasa daerah yang digunakan dalam kehidupan harian oleh penduduk yang berbangsa Melayu di Negeri Sarawak dan banyak dipengaruhi oleh bahasa Iban, Bidayuh, Melanau dan bahasa suku lain. Dialek Melayu Sarawak mempunyai beberapa persamaan dengan bahasa Melayu Brunei dan bahasa Melayu Pontianak yang dituturkan oleh penduduk di Kalimantan. Dialek tersebut telah dijadikan bahasa *lingua franca* oleh masyarakat yang menetap di bahagian Kuching dan digunakan dengan meluas oleh generasi tua, dewasa, remaja juga kanak-kanak, namun generasi remaja dan kanak-kanak cenderung menyimpang ke bahasa lain. Berikut ialah contoh ayat yang digunakan oleh generasi tua.

1. *Sampey juak mancai olah miak ya.*
Terlalu nakal perangai budak itu.
2. *Coba ambik ladin dalam sep dengan nenek lok.*
Cuba ambilkan pisau dalam almari untuk nenek.
3. *Lepas mandik gasakkan jungkar ya, sak sik licin.*
Selepas mandi, tolong gosokkan bilik air supaya tidak licin.
4. *Tiap-tiap ari urang ngerepak nangar oleh kitak urang, makin ari makin jadi.*
Setiap hari orang berleter melihat sikap / perangai kamu, semakin hari, semakin menjadi-jadi.
5. *Leci ya kah atas pagu, mun nak makey senang ngambil.*
Periuk itu letak atas para, kalau nak guna nanti, senang ambil.

Terdapat perubahan kata yang ketara dalam ayat 1. Generasi tua menggunakan kata *mancai* yang membawa maksud *nakal*. Generasi muda menggunakan kata *gaok*. Kebanyakan generasi kanak-kanak pada masa ini sudah tidak menggunakan kata *gaok*, sebaliknya lebih kerap menggunakan kata *nakal*. Kata *olah* yang membawa maksud “sikap” atau “perangai yang nakal”. Dilihat bahawa generasi tua sering menggunakan kata yang menunjukkan sesuatu sikap, perbuatan secara melampau atau tak terhingga. Selain itu, terdapat penambahan suku kata dalam kata *miak*, yakni generasi muda telah menambah suku kata *ne* menjadi *nemiak*. Bahkan ada generasi muda menggunakan kata *remiak* untuk kata *nemiak* yang asalnya cuma *miak*.

Dalam ayat 2, kata *ladin* digunakan untuk merujuk makna “pisau” oleh generasi muda. Sebilangan generasi dewasa juga tidak menggunakan kata *ladin*. Hasil kajian rintis yang telah dijalankan oleh penyelidik mendapati bahawa generasi remaja dan kanak-

kanak tidak tahu langsung akan kewujudan kata *ladin*. Begitu juga dengan kata *sep* yang membawa maksud “almari”, *pagu* yang bermaksud “rak”, dan *leci* yang bererti “periuk”.

Kesimpulan daripada kajian rintis, perubahan kata dialek Melayu Sarawak adalah pada tingkat kedua tekanan bahasa Weber (1991), iaitu di pinggiran. Tafsiran tingkat tekanan bahasa di pinggiran ialah dialek Melayu Sarawak masih hidup dan masih mempunyai jumlah penutur yang agak banyak tetapi bilangan penutur terus menurun.

Latar Belakang Dialek Melayu Sarawak

Menurut Asmah Haji Omar (2008), dialek Melayu Sarawak ialah bahasa Melayu di Sarawak yang tersebar di Kuching dan di kawasan-kawasan yang berdekatan dengannya, meliputi Samarahan, Saribas, Sibu, Miri dan Limbang. Bahasa Melayu Kuching boleh dianggap mewakili seluruh masyarakat Melayu Sarawak dengan ciri yang tersendiri. Jumlah penutur asli dialek Melayu Sarawak adalah antara 500.000 hingga 600.000 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Dialek Melayu Sarawak berasal dari rumpun bahasa Austronesia dan terbahagi kepada beberapa sub-dialek, antaranya dialek Kuching, Miri, Sri Aman, Kota Samarahan, Bintulu dan Sibu.

Orang Melayu yang tinggal di sepanjang Sungai Sarawak dikatakan bertutur dialek Melayu Sarawak. Sepanjang pemerintahan Inggeris selama seratus tahun (1841-1941) oleh keturunan Rajah Brooke, difahamkan Rajah suka mengupah orang Melayu untuk memegang jawatan penting dalam kerajaan. Secara tidak langsung, bahasa mereka tersebar luas ke seluruh pelosok Sarawak sehingga dapat menandingi bahasa Melayu baku. Akibat peristiwa tersebut, Dewan Bahasa dan Pustaka (1998) telah menerbitkan sebuah buku berjudul, "Daftar Kata Dialek Melayu Sarawak" agar dialek Melayu Sarawak terpelihara. Kaum asli lain juga menggunakan dialek Melayu Sarawak kerana mudah difahami. Sebagai contoh, orang Bidayuh Selakau tidak dapat memahami dialek orang Bidayuh Jagoi. Oleh itu, mereka menyelesaikan masalah komunikasi dengan bertutur dialek Melayu Sarawak.

Dialek Melayu Sarawak merupakan dialek yang paling besar perbezaannya dengan dialek Melayu lain di Malaysia kerana dipengaruhi bahasa Melayu Brunei, Bahasa Iban, Bidayuh, Melanau dan bahasa sukuan di Filipina. Berikut ialah contoh perbandingan antara beberapa perkataan dialek Melayu Sarawak dengan bahasa Melayu baku.

BMB	DMS
ya	<i>auk</i> [a. ^w o ^ε]
tidak	<i>sik</i> [si ^ε]
jangan	<i>sikboh</i> [si ^ε boh]
ini	<i>tok</i> [to ^ε]
itu	<i>ya</i> [ja]
sini	<i>sitok</i> [si.to ^ε]
situ	<i>siya</i> [si.ja]
sana	<i>sinun</i> [si.nu ^ε n]

mana	<i>ne [ne ə]</i>
di mana	<i>sine [si.ne ə]</i>
dia	<i>nya [ɳa ɿ]</i>
saya / aku	<i>kamek [ka.me ɿ]</i>
awak / kamu	<i>kitak [ki.ta ɿ]</i>
mereka	<i>daknya / sidaknya [daɳɿ.ɳa ɿ] [si.daɳɿ.ɳa ɿ]</i>
sungai	<i>sungey[su.ɳe ə]</i>
kereta	<i>moto [mo ə.to]</i>
motosikal	<i>motosikal [mo ə.to.si.kal]</i>
hospital	<i>sepetar/godang (arkaik)[s★.pe.tar] [go.daɳ]</i>
masjid	<i>mesjit [m★ əs.dCit]</i>
lama	<i>lamak [la.ma ɿ]</i>
baru	<i>baruk / bok [ba.ru ɿ] [bo ɿ]</i>
cantik	<i>kacak [ka.tɿa ɿ]</i>
kemas	<i>gap (arkaik) [gap]</i>
ombong	<i>lawa [la.wa]</i>
jumpa	<i>temu [t★.mu ə]</i>
cakap	<i>padah [pa.dah]</i>
nyanyi	<i>blagu [bla.gu]</i>
sepak	<i>nyepak / ngesut (arkaik) [ɳe ə.pak] [ɳ★ ə.sut]</i>
berbual-bual	<i>beloyar [b★.lojar]</i>
membebek	<i>ngerepak [ɳ★ ə.re.pak]</i>
orang	<i>sidak [si.da ɿ]</i>
kucing	<i>pusak / pusa [pu.sa ɿ] [pu.sa]</i>
anjing	<i>asuk [a.su ɿ]</i>
ayam	<i>manok [ma ə.no ɿk]</i>
cacing	<i>lantong [lan.toɳ]</i>
buaya	<i>boyak [bo.ja ɿ]</i>

Sekiranya penyelidikan yang lebih mendalam dilaksanakan, tentu masih ada kata dalam Dialek Melayu Sarawak yang ketara berbeza dengan dialek Melayu di Semenanjung Malaysia meskipun maknanya sama. Berbalik pada dialek Melayu Sarawak, ada kalanya masyarakat, malah penyelidik sendiri beranggapan bahawa generasi tua menggunakan kata yang boleh dikatakan kuno sewaktu berkomunikasi. Jikalau kata yang dianggap kuno ini digunakan dalam perbualan bersama orang muda, biasanya akan berlaku salah faham, malah ada yang langsung tidak faham makna kata yang hendak disampaikan oleh generasi tua. Tidak hairan maka penduduk kawasan utara Sarawak menggunakan istilah Melayu yang berlainan daripada istilah Melayu yang sering digunakan oleh masyarakat yang tinggal di sekitar kawasan serata bandar raya Kuching.

Contoh:

- | | |
|-----------------------|--|
| 1. Bahasa Melanau | <i>Kak berulah, neh nenawa.</i> |
| Dialek Melayu Sarawak | <i>Iboh berolah, kelak kenak anok.</i> |

- | | |
|---|---|
| Bahasa Melayu baku
marah. | Jangan buat perangai nanti kena |
| 2. Bahasa Melanau | <i>Tolong igik isit dengah ko.</i> |
| Dialek Melayu Sarawak | <i>Tulung ambik ladin(pisok) ya
dengan kamek lok.</i> |
| Bahasa Melayu baku | Tolong ambil pisau itu untuk saya. |
| 3. Bahasa Melanau
<i>beiduit.</i> | <i>Kak pede ngah gak sian kak aw</i> |
| Dialek Melayu Sarawak | <i>Sik boh padah ngannya kitak ada duit.</i> |
| Bahasa Melayu baku
kamu ada duit. | Jangan beritahu kepada dia bahawa |
| 4. Bahasa Melanau
<i>mesi suro.</i> | <i>Gak kampoung beu gutung-ruyung</i> |
| Dialek Melayu Sarawak
<i>suro.</i> | <i>Dak /sidak kampung berdurok merese</i> |
| Bahasa Melayu baku
membersihkan surau. | Penduduk kampung bergotong royong |
| 5. Bahasa Melanau | <i>Idak uraih gak tebeing ian.</i> |
| Dialek Melayu Sarawak | <i>Banyak kali jak uras di kalan ya.</i> |
| Bahasa Melayu baku
itu. | Banyak sungguh sampah di sungai |


Latar Belakang Negeri Sarawak

Negeri Sarawak berkeluasan 124, 967 kilometer persegi. Jumlah penduduknya, menurut laporan statistik pada tahun 2010 adalah kira-kira 2, 5065 juta orang. Sarawak mempunyai bilangan penduduk yang paling banyak antara negeri-negeri di Sarawak. Bandar raya Kuching merupakan ibu negeri Sarawak dengan kepadatan penduduk lebih kurang 458,300 orang (Jabatan Perangkaan Sarawak, 2010). Jumlah tersebut menjadikan bandar raya Kuching sebagai yang mempunyai penduduk paling banyak di Sarawak dan yang ketujuh di Malaysia. Terdapat sebanyak 112 etnik di Sarawak yang mempunyai bahasa, kebudayaan, dan amalan hidup tersendiri. Etnik di Sarawak

terbahagi mengikut kawasan penempatan di pesisiran pantai, lembah sungai, daerah pedalaman dan kawasan tanah tinggi. Kawasan yang paling padat dengan penduduk ialah dataran pantai, lembah sungai, bahagian Barat Kuching, serta kawasan di antara sungai Kayan dengan Sungai Mukah. Corak taburan penempatan penduduk yang berselerak di Sarawak menyebabkan penduduk tidak banyak berhubung dengan orang luar. Keadaan sebegini mendorong setiap kelompok etnik membentuk identiti kebudayaan masing-masing mengikut geografi alam dan keadaan persekitaran. Faktor persekitaran mempengaruhi bahasa yang dituturkan oleh masyarakat Sarawak-bagai etnik di negeri Sarawak. Mantan Pengarah Muzium Negeri Sarawak, iaitu Peter M. Kedit (1989) menganggap Sarawak sebagai negeri yang mempunyai kumpulan etnik paling banyak dengan sifat kebudayaan yang pelbagai. Sinaga (1989), memetik pendapat Hoebel & Yeoh (1986) bahawa terdapat 20 kumpulan bumiputera yang utama di Sarawak dengan pelbagai subkumpulan yang berbeza bukan sahaja dari segi rupa tetapi juga dari segi bahasa. Peter M. Kedit (1989) mengambil daerah Belaga sebagai contoh. Pada 1980, kepadatan penduduk di daerah Belaga hanya 0.6 orang per kilometer persegi tetapi didiami tidak kurang daripada 10 kumpulan etnik: Kayan, Kenyah, Kejaman, Sekapan, Lahanan, Sihan, Ukit, Penan, Sarawak, dan Cina, yang kesemuanya menuturkan bahasa ibunda yang berbeza-beza. Menurut statistik tahun 2010, taburan dan jumlah penduduk negeri Sarawak mengikut kumpulan etnik adalah seperti yang berikut:

Sarawak	551,567
Iban	693,358
Bidayuh	192,960
Melanau	119,897
Bumiputera lain	152,074
Cina	560,150
India	7,188
Lain-lain	8,873

Bumiputera lain terdiri daripada Kayan, Kenyah, Kelabit, Lun Bawang, Murut, Bisaya, Penan, Tagal, Tabun, Bukit, Lisun, Tatau, dan Sihan. Mereka dikelompokkan sebagai Orang Ulu yang kebanyakannya bukan Islam. Tidak dapat dipastikan adakah ini termasuk Kedayan, Miriek dan Narum yang beragama Islam.



Rajah 1.1. Peta Negeri Sarawak
(Sumber: dromoz.com)

Latar Belakang Masyarakat Sarawak di Petra Jaya, Kuching

Kawasan Petra Jaya telah mula dibangunkan sejak awal tahun 70-an lagi dan terus pesat berkembang hingga hari ini. Kedudukan Petra Jaya di negeri Sarawak ditunjukkan pada Rajah 1. 1. Majoriti penduduk yang mendiami kawasan Petra Jaya terdiri daripada kaum bumiputera, terutamanya kaum Sarawak. Kawasan yang sinonim dengan orang Sarawak ialah [Jalan Astana](#), [Kampung Lintang](#), [Semariang](#), [Siol Kandis](#), [Kampung Boyan](#), [Kampung Gersik](#), [Kampung Surabaya](#), [Kampung Pulo](#), [Kampung](#)

Bintawa, Kampung Panglima Seman, Kampung Tupong, Kampung Sinjan, dan Kampung Gita. Sebahagian daripada kampung Sarawak tradisional di tebing sungai Sarawak yang telah dibangunkan untuk tujuan pembangunan telah dipindahkan ke kawasan penempatan semula di Demak dan juga Semariang.

Pernyataan Masalah

Penyelidikan ini dijalankan adalah sebagai memenuhi ruang atau lompong kosong sifat kata dialek Melayu Sarawak yang berubah mengikut penggunaan masyarakat penutur. Masalah ini bukan sahaja melanda masyarakat Melayu di Sarawak. Sebagai perbandingan, penyelidik memetik hasil kajian Roksana Bibi Abdullah (2002) bahawa peralihan bahasa sedang berlaku dalam kalangan ketiga-tiga generasi masyarakat Melayu di Singapura. Minat mereka semakin menurun dalam bahasa Melayu kerana aktiviti seharian mereka menampakkan hubungkait dengan bahasa Inggeris yang menyerlah, terutama dalam kalangan generasi ketiga. Hampir semua generasi ketiga menggunakan bahasa Inggeris secara dominan semasa bertutur dengan rakan sebaya atau adik-beradik.

Analogi daripada hasil kajian Roksana Bibi Abdullah (2002) menunjukkan umur ialah faktor yang menentukan banyak atau sedikit perubahan sesuatu bahasa mengikut generasi penutur. Menurut Chaer (2004), berdasarkan usia, dapat dilihat perbezaan variasi bahasa yang digunakan oleh kanak-anak, para remaja, orang dewasa, dan golongan lanjut usia. Namun demikian, variasi tutur mereka bersifat sementara karena pengguna ragam tutur dialek Melayu Sarawak, seperti penutur bahasa lain juga, akan mengalami perubahan selari dengan usia. Seiring dengan perubahan usia, ragam tutur seseorang turut berubah. Ketika seorang kanak-kanak melangkah ke usia remaja, kanak-kanak meninggalkan ragam tutur keanak-anakan dan beralih ke ragam tutur remaja yang lebih unik dan bervariasi. Pateda (1988) mengatakan, makin tinggi umur seseorang, makin banyak kata yang dikuasainya, begitu juga pemahamannya dalam struktur bahasa.

Ragam tutur kanak-kanak bercirikan pengurangan atau reduksi pada kata hubung, kata depan, partikel, dan sebagainya. Ragam tutur remaja pula lebih dikesan unik dan bervariasi disebabkan kecenderungan para remaja membentuk bahasa yang eksklusif, yang berupa bahasa rahsia atau slanga dan hanya difahami oleh anggota kumpulan remaja. Melalui proses penggembangan, misalnya, *lemah nyawa aku berubah menjadi mahwaku, sik ada berubah menjadi sikda atau neyda, tok baruknya menjadi tok boknya*. Melalui proses lemah pembetulan pula *kuatan berubah menjadi kotan, nemiac / remiac menjadi miak*. Adapun ragam orang dewasa dalam masyarakat bercirikan keteraturan dan kesesuaian dengan kaedah kebahasaan yang berlaku mengikut dialek Melayu Sarawak. Dibimangkan generasi kanak-kanak akan menerima sepenuhnya perubahan kata kemudian menggunakan kata itu dalam komunikasi harian. Akhir sekali, penyelidik mendapati kata-kata dialek Melayu Sarawak yang mewakili bentuk dan makna yang mirip bahasa Melayu baku boleh mengelirukan penutur dialek Melayu di Sarawak.

Teori Sistem Tanda Bahasa Berstruktur Ferdinand de Saussure menjelaskan hubungan antara pertuturan dengan evolusi bahasa yang mempunyai istilah khusus. Walau bagaimanapun, beberapa laporan penulisan yang penyelidik baca memberi penerangan yang salah mengenai istilah khusus yang berkaitan dengan asas teori Sistem Tanda Bahasa Berstruktur de Saussure. Tanda (*sign*) dikatakan sebuah sistem tanda yang terdiri atas unsur *signified* dan *signifier*. *Signified* diberi tafsiran sebagai makna yang ada dalam fikiran manusia. Istilah *signifier* ditaksir sebagai imej bunyi, iaitu bentuk yang dapat ditangkap oleh pancaindera manusia. Ada juga penulis yang menggunakan istilah seperti *signe*, *significant*, atau *signifie*. Penggunaan konsep yang berlainan tentu mengelirukan penyelidik lain untuk memilih mana satu istilah yang betul seperti yang dikemukakan oleh de Saussure.

Mengikut teori Stratum Bawah (Aitchison, 1998), perubahan bahasa berlaku kerana adanya resapan unsur bahasa asing. Golongan dewasa menurunkan bahasa yang tidak sempurna kepada generasi muda dan orang lain dalam lingkungan interaksi sosialnya. Dengan tindakan itu, bahasa diubah suai mengikut keperluan masyarakat setempat. Perubahan ini melibatkan fungsi bahasa pada tahap kosa kata. Kata yang tidak perlu, digugurkan kerana sudah jarang-jarang digunakan orang. Kata yang baharu pula timbul mengikut keperluan sosial. Keperluan sosial memacu lebih banyak perubahan bahasa, bukan sekadar tambahan item kosa kata yang baharu. Sebagai contoh, slanga dianggap sebagai gerak balas bagi satu keperluan penggunaan bahasa dalam satu kumpulan sosial. Kata yang baharu menggantikan kata lama, seperti *kantau*, *bro*, *chow*, *palat* (asal lucah/kesat) tetapi hanyalah satu kebiasaan digunakan oleh generasi remaja.

Pengaruh *international net* (internet), terutamanya *facebook*, *tweeter*, *instagram*, media massa dan bahasa asing, terutama bahasa Inggeris ketara dalam masyarakat Melayu Sarawak, terutama generasi remaja, kanak-kanak dan dewasa yang tertarik dengan bahasa dari luar. Semakin hari semakin banyak kata dialek Melayu Sarawak yang tidak diketahui maknanya, tidak digunakan, bahkan sudah tidak diketahui kewujudannya. Kata *gago* kini amat jarang digunakan dalam komunikasi, sama ada melalui laman sesawang maupun lisan. Kata *gago* diganti dengan kata *busy* (Inggeris). Kata /sibuk/ (BMB) yang membawa maksud *gago* juga jarang digunakan. Hal ini jelas berdasarkan data kajian rintis tentang penggunaan leksikal dialek Melayu Sarawak dalam kalangan penutur. Generasi muda beranggapan sesiapa yang menggunakan dialek Melayu Sarawak sebagai kolot. Tidak kurang juga yang diejek oleh rakan sebaya apabila sering menggunakan dialek Melayu Sarawak dalam komunikasi harian. Pada masa ini, pendedahan leksikal Melayu Sarawak sebagai bahasa rumah dalam kalangan generasi muda didapati merosot. Misalnya, kalau seseorang minta diambilkan pinggan, dengan mudahnya dia cuma menyebut ‘pinggan’(bahasa Melayu baku), bukan ‘tapak’ (dialek Melayu Sarawak), walaupun pendengar itu juga orang Sarawak. Jelas kurangnya kesedaran dalam kalangan orang Melayu Sarawak untuk memperkasakan bahasanya sendiri seperti dalam aktiviti seharian, selain aktiviti formal yang menggunakan bahasa baku sebagai bahasa penghubung.

Penggunaan dialek Melayu Sarawak semakin terancam akibat pertembungan penduduk dari pelbagai tempat di Malaysia, perkahwinan campur, penempatan penjawat awam dan swasta yang lama berkhidmat di Semenanjung Malaysia serta para guru lepasan Kursus Perguruan Lepasan Ijazah (KPLI) dari Semenanjung Malaysia diarahkan berkhidmat ke pedalaman Sarawak. Penyelidik melihat senario masalah kurangnya usaha pencinta bahasa untuk mendokumentasikan leksikal dialek Melayu Sarawak yang masih asli sedangkan banyak kata yang sudah tidak diketahui oleh generasi muda. Tidak dinafikan, terdapat buku tentang fonologi dialek Melayu Sarawak yang telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak, akan tetapi tanpa menggunakan Senarai Swadesh untuk melihat hubungan kognat dengan BMB seperti yang lazim dilakukan oleh penyelidik di luar negara.

Objektif Kajian

Objektif penyelidikan ini adalah seperti yang berikut:

1. Mengenal pasti sifat kata dialek Melayu Sarawak yang berubah mengikut masyarakat penuturnya.
2. Mengaplikasikan asas teori Sistem Tanda Bahasa Berstruktur dalam kata dialek Melayu Sarawak.
3. Merumuskan perubahan kata dalam dialek Melayu Sarawak.
4. Menganalisis perkaitan kata kognat antara dialek Melayu Sarawak dengan bahasa Melayu baku.
5. Menghasilkan inventori kata dialek Melayu Sarawak dan kata tabu.

Kepentingan Kajian

Dialek Melayu Sarawak merupakan dialek yang paling besar perbezaannya dengan dialek Melayu lain di Malaysia kerana dipengaruhi bahasa Melayu Brunei, Bahasa Iban, Bidayuh, Melanau dan bahasa sukuan di Filipina. Berpandukan penyataan Asmah Haji Omar (2008), penyelidik mendapati bahawa dialek Melayu Sarawak (seterusnya DMS) perlu dikenal pasti sifat leksikon. Pengenalpastian ini penting untuk memudahkan penyelidikan terhadap kata DMS yang benar-benar berubah mengikut penggunaan masyarakat penutur.

Dari perspektif psikolinguistik, pemerolehan bahasa generasi kanak-kanak berlaku dalam dua cara, iaitu pemerolehan serentak dan pemerolehan berturutan. Pemerolehan

serentak berlaku apabila kanak-kanak terdedah dengan fenomena dwibahasa semenjak kecil. Kebanyakan kanak-kanak yang mendiami kawasan Petra Jaya ialah kanak-kanak yang ibu bapa mereka terdiri daripada individu berpelajaran dan mempraktikkan bahasa Inggeris semasa berkomunikasi dengan anak. Kanak-kanak dwibahasa dapat membezakan dua bahasa yang didedahkan kepadanya oleh ibu bapa. Bagi generasi remaja pula, mereka lebih terpengaruh dengan bahasa Melayu baku dan bahasa Inggeris. Hal ini kerana mereka terdedah secara langsung dengan sistem pembelajaran formal. Mereka beranggapan akan lebih menonjol sekiranya berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Dalam usia remaja, mereka lebih gemar menghabiskan masa melayari internet dan berkomunikasi dengan rakan serta kenalan melalui laman sesawang dari merata tempat. Bahasa yang digunakan ialah bahasa Melayu baku dan bahasa Inggeris agar mudah difahami. Situasi penggunaan bahasa yang berlainan menyebabkan pencampuran kod, penukaran kod, bahasa antara dan pemindahan bahasa dalam kalangan generasi dewasa. Pencampuran kod ialah penggunaan unsur formal kod bahasa seperti fonem, morfem, kata, frasa, kalimat dalam sesuatu konteks wacana. Dalam keadaan berbahasa yang tidak formal, penutur dengan bebas dapat mencampurkan kod bahasa, khususnya apabila terdapat istilah yang tidak dapat diungkap dengan bahasa lain. Sebab yang lain pula ialah seseorang penutur ingin menonjolkan kemahiran berbahasa asing seperti yang kerap berlaku dalam kalangan generasi remaja dan dewasa. Fenomena ini terjadi kepada keempat-empat peringkat generasi yang dikaji. Atas penerangan ini, penyelidik menyedari keperluan ke arah satu pendekatan untuk melestarikan DMS agar penutur tidak terus merosot.

Penyelidik berpendapat adalah wajar jika boleh mendokumentasikan leksikal DMS dalam usaha memastikan dialek yang unik ini terpelihara daripada kepupusan, seterusnya diguna pakai dalam komunikasi seharian oleh setiap peringkat generasi. Di samping itu, penyelidik dapat mengetengah DMS sekurang-kurangnya dalam bentuk inventori agar lebih difahami oleh masyarakat Malaysia dan dapat saling lengkap-melengkapi kosa kata BMB.

Teori Sistem Tanda Bahasa Berstruktur yang dirintis oleh Ferdinand de Saussure menjelaskan hubungan antara pertuturan dengan evolusi bahasa. De Saussure menolak teori bahasa sebagai 'hanya satu proses penamaan, iaitu senarai perkataan, setiap satu sepadan dengan perkara yang diberi nama'. Teori sedemikian memberikan andaian bahawa idea sesuatu perkataan sudah ada sebelum perkataan dibentuk dan tidak memberi maklumat tentang suara atau sifat dalaman perkataan. Andaian ini membawa kepada tanggapan bahawa menghubungkan sesuatu nama dan maknanya ialah operasi yang mudah. De Saussure memberi cadangan untuk mengekalkan kata 'tanda' (*sign*), 'konsep' (*concept*) dan 'imej-bunyi' (*sound-image*), masing-masing dengan 'ditandakan' (*signified*) dan 'penanda' (*signifier*). Dua yang terakhir menunjukkan lawan yang memisahkan satu sama lain yang terdiri daripada keseluruhan bahagian. Satu entiti terhasil dengan penyatuan dua istilah. Tanda bahasa menyatukan konsep dengan imej-bunyi, bukan menyatukan konsep dengan nama. De Saussure mendefinisikan imej-bunyi bukan sebagai bunyi fizikal tetapi sebagai cetakan psikologi bunyi daripada deria manusia. Perkataan 'konsep' sama dengan kata

'ditandai' (*signified*), manakala kata 'imej-bunyi' sama dengan kata 'penanda' (*signifier*). 'Ditandakan' dan 'penanda' bersama-sama membentuk 'tanda' (*sign*) bahasa.

Teori memberikan pengertian cara mana suatu fenomena itu berlaku. Penyelidik berpendapat bahawa pembuktian teori melalui kajian secara sistematik adalah penting sebelum sesuatu fenomena diperincikan dengan lebih mendalam. Berkaitan penyelidikan ini, penyelidik melihat teori Stratum Bawah sebagai teori yang membantu penyelidik merungkap permasalahan yang berkaitan dengan perubahan DMS. Sewaktu penutur mempelajari satu bahasa yang baharu, penutur dengan tidak sengaja memasukkan beberapa pola bunyi bahasa yang lama, seperti fonologi, akan tetapi kebanyakannya kosa kata bahasa baharu dikekalkan. Kedudukan bahasa seperti ini dipanggil 'stratum bawah'. Dalam amalan biasa, penyelidik tidak selalu mengasingkan pertembungan dua bahasa yang terhasil daripada stratum bawah dan kata pinjaman, apatah lagi jika kontak bahasa seseorang penutur sudah lama berlaku. Dengan membuat pemerhatian terhadap penutur DMS mengikut generasi, penyelidik dapat membezakan unsur utama stratum bawah daripada kata pinjaman kerana pengaruh stratum bawah berubah-ubah, bergantung pada bahasa yang terlibat dalam pertuturan.

Kepentingan kajian seterusnya dilihat daripada kata kognat yang memperlihatkan banyak persamaan bunyi antara bahasa tataran atas (BMB) dengan bahasa tataran bawah (DMS). Perkaitan kognat memanfaatkan Senarai Swadesh. Senarai Swadesh menunjukkan bahawa ada bentuk DMS yang betul-betul serupa dengan BMB, ada yang menyimpang sedikit dari segi bunyinya. Kata-kata begini dipercayai berasal daripada sumber yang sama, yang dikenali sebagai kognat. Mengikut Evans (2013), selain berguna untuk kajian bahasa secara leksikostatistik dan glottokronologi, Senarai Swadesh berguna dalam mempelajari bahasa baharu kerana memberi pengetahuan asas yang memudahkan komunikasi tanpa perlu risau akan ketepatan tatabahasa dan sintaksis.

Skop Kajian

Skop kajian ini mencakupi usaha pengumpulan kata dialek Melayu Sarawak yang berubah mengikut penutur daripada generasi yang berlainan dan maklumat mengenai entri sifat kata dialek Melayu Sarawak. Kajian ini mengolah asas teori Sistem Tanda Bahasa Berstruktur de Saussure dan teori Stratum Bawah mengikut perubahan sifat kata dialek Melayu Sarawak. Di samping itu, kaedah menganalisis kata kognat yang terkandung dalam teori Analisis Diakronik diaplikasikan ke atas Senarai Swadesh Bahasa Melayu Baku dan dialek Melayu Sarawak serta dialek Melayu Kelantan. Kajian ini akan dijalankan ke atas empat generasi penutur DMS yang berikut:

- i/ generasi tua
- ii/ generasi dewasa
- iii/ generasi remaja
- iv/. generasi kanak-kanak

Kajian dijalankan di Kampung Demak Baru Fasa 1, 2 dan 3, iaitu penempatan semula lebih daripada enam buah kampung yang terletak di kawasan Petra Jaya Kuching, Sarawak. Kajian ini menggunakan kajian tinjauan lapangan dengan menggunakan borang soal selidik dan temu bual yang mengambil masa hampir 3 tahun bermula dari bulan Jun 2010 hingga Februari 2013.

Definisi Operasional

Perubahan Kata Dialek Melayu Sarawak

Penggunaan dialek Melayu Sarawak yang berubah mengikut generasi penutur. Perubahan kata DMS dalam masyarakat Melayu di Sarawak semakin ketara daripada satu generasi kepada generasi yang lain baik dari segi semantik (contoh: *ladin, lang, jebuk, jabir, leci*) mahupun fonologi (contoh: *kuatan, nemiak, ingga*). Banyak kata dialek Melayu Sarawak yang sudah melepassi beberapa proses tingkat tekanan bahasa. Malah, jika tidak ditangani secara terancang, dikhuatir khazanah kata DMS terus mati.

Kata Dialek Melayu Sarawak (DMS)

Fokus pengkaji ialah kata DMS sebagaimana yang dituturkan oleh empat generasi yang menetap di Kampung Demak Baru Fasa 1, 2, dan 3. Fokus kajian ialah sifat kata, khususnya leksem, metafora, idiom, kata kacukan, kata serapan, kata rujukan, kata tabu dan kata kognat.

Mengikut Generasi

Empat generasi orang Melayu di Sarawak yang terdiri daripada generasi tua, generasi dewasa, generasi remaja dan generasi kanak-kanak.

Dialek Melayu Sarawak

Dialek Melayu Sarawak ialah dialek bahasa Melayu yang dituturkan oleh penduduk bangsa Melayu di negeri Sarawak semasa berkomunikasi. Sumber daripada hasil bancian 2010, penduduk Sarawak berjumlah 2,261,800 orang. Dialek ini banyak dipengaruhi oleh Bahasa Iban, Bidayuh, Melanau dan suku di Filipina serta mempunyai beberapa persamaan dengan Bahasa Melayu Brunei serta Bahasa Melayu Pontianak di Kalimantan.

Menurut Leete (1996) sebanyak 360, 400 orang Melayu di seluruh Sarawak dan lebih daripada 216, 000 penduduk Melayu tinggal di luar bandar negeri Sarawak. Collins (1987), dalam kajian Dialek Melayu Sarawak melihat kepelbagaiannya dialek Melayu di Sarawak dengan membuat leksikal antara dialek.

Sejak pembentukan Malaysia, penelitian tentang dialek Melayu Sarawak mula berkembang. Sumbangan pertama yang dihasilkan adalah usaha anak jati Sarawak

bernama Madzhi Johari (1989) dengan buku bertajuk, *Fonologi Dialek Melayu Kuching (Sarawak)*. Justeru, data inilah yang diguna pakai oleh Asmah (2007) sebagai sorotan dalam tulisannya tentang fonologi dialek Melayu. Asmah telah menghasilkan monograf yang membahas dialek Melayu di Semenanjung dan Sarawak. Hasil usaha sedemikian maka dialek Melayu Sarawak menjadi bahan penyelidikan di pelbagai peringkat.

Generasi Pengguna Dialek Melayu Sarawak

Generasi Kanak-kanak

Kanak-kanak berbangsa Melayu di Sarawak yang berumur dalam lingkungan 6-12 tahun (sekolah rendah). Dalam penyelidikan ini, penyelidik cuma fokus kepada kanak-kanak peringkat sekolah rendah Tahun Satu hingga Tahun Enam. Di peringkat Sekolah Rendah (umur 6-12 tahun), kanak-kanak bersekolah dan belajar bersahabat. Perkembangan kognitif kanak-kanak berada pada peringkat operasi konkrit, iaitu belajar membaca, menulis, dan mengira. Mereka belajar kemahiran permainan dan kemahiran hidup yang lain, seperti belajar jual beli. Kanak-kanak sudah boleh menilai diri sendiri dan orang lain. Mereka juga suka melibatkan diri sebagai ahli sukan sesuatu permainan.

Generasi Remaja

Dalam penyelidikan ini, generasi remaja yang berumur antara 13 hingga 18 tahun dipilih sebagai sampel kajian. Mereka ialah pelajar-pelajar Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima. Dari segi kognitif, awal remaja berada pada peringkat operasi formal. Dari segi perkembangan emosi, timbul keinginan untuk kejayaan dan penghargaan. Remaja membentuk kumpulan rakan sebaya dan mula tertarik dengan rakan sebaya dari jantina lain. Pada akhir remaja, mereka cuba mendapat autonomi daripada ibu bapa. Mereka berusaha membentuk identiti mengikut jantina. Melalui pergaulan sosial, remaja menerap dan mematuhi nilai moral dalam masyarakat.

Generasi Dewasa

Generasi dewasa merujuk kepada generasi awal dewasa (22-34 tahun) dan pertengahan dewasa (34-60 tahun). Pada awal dewasa (22-34 tahun), individu akan cuba meneroka persahabatan intim dengan rakan yang berlainan jantina. Individu juga berusaha menampilkan diri dalam pekerjaan dan membentuk gaya hidup tersendiri. Pada pertengahan dewasa (34-60 tahun), individu mahir dalam pekerjaan. Individu yang berjaya memupuk kebahagian dalam rumah tangga serta melibatkan diri dalam kerja amal untuk kebajikan masyarakat. Individu yang berjaya juga akan membeli rumah dan harta.

Generasi Tua

Penyelidik mengambil semua individu yang tergolong dalam generasi tua sebagai sampel kajian kerana generasi ini terbatas jumlahnya di kawasan kajian. Individu pada

peringkat ini terpaksa menangani masalah kesihatan kerana peredaran umur, seperti osteoporosis dan nyanyuk. Individu yang berjaya dalam hidup akan mengenang zaman muda dan dewasa dengan gembira dan puas hati.

Kesimpulan

Dialek Melayu Sarawak yang tersebar di Kuching dan di kawasan yang berdekatan dengannya meliputi Samarahan, Saribas, Sibu, Miri dan Limbang. Dialek Melayu Sarawak mempunyai idiolek yang tersendiri dan berasal daripada rumpun bahasa Astronesia. Jumlah penutur asli dialek Melayu Sarawak adalah antara 500.000 hingga 600.000 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Dialek Melayu Sarawak boleh dibahagikan kepada beberapa subdialek, antaranya dialek Kuching, Miri, Sri Aman, Kota Samarahan, Bintulu dan Sibu. Fokus penyelidikan ini ialah dialek Kuching. Kaum peribumi lain di Sarawak turut sama menggunakan dialek Melayu Sarawak sebagai bahasa perantara kerana mudah difahami.

Dialek Melayu Sarawak merupakan dialek yang paling besar perbezaannya dengan dialek Melayu lain di Malaysia kerana dipengaruhi bahasa Melayu Brunei, Bahasa Iban, Bidayuh, Melanau dan bahasa sukuan di Filipina. Penyelidikan terhadap tajuk tesis ini terletak pada landasan 5 objektif yang berkaitan dengan sifat kata DMS, aplikasi prinsip asas teori Sistem Tanda Bahasa Berstruktur de Saussure, penghasilan inventori kata DMS, perubahan kata DMS mengikut gagasan teori Stratum Bawah, dan perkaitan kata kognat antara DMS dan BMB juga perbandingan dialek Melayu Kelantan berdasarkan Senarai Swadesh. Kajian dijalankan ke atas 4 generasi penutur DMS (tua, dewasa, remaja dan kanak-kanak) di Kampung Demak Baru Fasa 1, 2, dan 3, iaitu penempatan semula lebih daripada 6 buah kampung yang terletak di kawasan Petra Jaya Kuching, Sarawak. Definisi operasional yang menyokong hal tuju penyelidikan ini ialah perubahan kata dialek Melayu Sarawak, kata dialek Melayu Sarawak, mengikut generasi, Bahasa Melayu dialek Sarawak, dan generasi pengguna dialek Melayu Sarawak.

dapat memahami dan menghayati sukanan pelajaran tersebut untuk mencapai matlamat dan objektif yang telah ditetapkan selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

BIBLIOGRAFI

- Aitchson, Jean. (1991). Assessing Language Status: Some Problems. In U. Ammun & M. Hellinger. *Status Change of Languages*. (pp.487-495). Berlin: Mouton de Gruyter.
- Aitchson, Jean. (1998). *Language Change: Progress or Decay?* (2nd ed.). Cambridge: Cambridge University Press.
- Amat Juhari Moain. (2007). *Sosiolinguistik Lanjutan*. BBM 5203. Pusat Pendidikan Luar: Universiti Putra Malaysia.
- Antonia, V. (1981). *The Bilingual Child Early Development and Language Contact*. Hongkong: University of Hongkong.
- Asmah Haji Omar. (2004). Northern Sarawak languages. In *The Encyclopedia of Malaysia Volume 9*. (pp. 36-37). Kuala Lumpur: Archipelago Press.
- Asmah Haji Omar. (2007). *Teori linguistik dan aplikasinya dalam memartabatkan kajian dialek Melayu*. Kertas Kerja Seminar Dialektologi Melayu (SEDIA), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. 27 Disember 2007.

- Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azlan Mis. (1997). *Inovasi dialek Melayu Sarawak: Kajian perbandingan*. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2010). Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia. (2010). *Taburan Penduduk dan Ciri-ciri Asas Demografi*.
- Bickerton, D. (1975). *Dynamics of a Creole System*. Cambridge: University Press.
- Brinton, L., & Traugott, E. (2005). *Lexicalization and Language Change*. Cambridge, UK: Cambridge University Press.
- Chaer, Abdul. (2004). *Linguistik Umum*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Chong Shin. (2006). Bahasa Iban dan dialek Melayu di Saribas. *Sarawak Museum Journal*. Vol LXII: 83 .
- Chong Shin. (2009). Dialek-dialek Melayu di Lembah Baram. *Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation*. 27(2): 59-71.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah penyelidikan (Buku 1)*. Malaysia: Mc Graw Hill.
- Collins, J.T. (1987). *Dialek Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J.T. (2000). Kepelbagaiannya dialek Melayu Sarawak: Tinjauan di Sungai Saribas dan di Sungai Rejang. *Jurnal Dewan*. 44(1): 2-17.
- Collins, J. T. (2004). Malayic Languages of Sarawak. In *The Encyclopedia of Malaysia Volume 9* (pp.32-33). Kuala Lumpur: Archipelago Press.
- David Cyrstal. (2008). *A Dictionary Of Linguistics and Phonetics*. Itali: Martview.com E-Book & Magz.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (1998). *Daftar Kata Dialek Melayu Sarawak Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Deirdre Martin. (2003). Languages Change in Young Panjabi / Inggeris Children: Implication for Bilingual Language Assessment. *Child Language Teaching and Therapy*. 19(3): 245-265.
- dromoz.com. (2012). Sarawak Map: Malaysia. www.sitesview.us/d/dromoz.com

- Evans, A.B. (2003). *Swadesh List Vocabulary list used in Glottochronology*. Africanhistory.about.com/od/Linguistic-evidence/evidence/a/Swadesh-List.htm
- Farid M. Onn & Ajid Che Kob. (1981). *Pengaruh Bahasa Daerah dalam Pembelajaran Bahasa Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ferdinand de Saussure (2001) *Course In General Linguistics*. New York Columbia University Press.
- Fishman, J. A. (1991). *Sosiologi bahasa*. (terj.). Alias Mohammad Yatim. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Glosari Leksikal Bahasa Sukuan*. (2012). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Grosjean, F. (1982). *Life with two languages. An introduction to bilingualism*. Harvard: United States of America.
- Hockket, C. (1958). *A Course in Modern Linguistics*. New York : Macmillan.
- Hoebel, R., & Yeoh Siew Hoon. (1986). *Sarawak On The Island of Borneo*. Malaysia: Sarawak State Government.
- Idris Aman & Rosniah Mustaffa. (2013). Profiles of Malaysian Malay Standard Accent and Identity Values. *PERTANIKA Journal of Social Science and Humanities*. 21(1): 179-2002.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2010). *Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 2010*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Kayato Hardan (2007). Metod Linguistik Historis Komparatif bagi Epigrafi. Terbitan berkala Arkeologi Edisi 1 Mei . (hlm.1 -11).
- Kimberley,D.G.M. (2001). *Approaching Language Change in Anishininiimowin*. Tesis Master. University of Manitoba, Canada.
- Lesley, J. (2013). *Discovering Language: The Structure of Modern English*. England: Macmillan.
- Leete, R. (1996). *Malaysia's Demographic Transition*. Oxford, United Kingdom: Oxford Unicersity Press.
- Madzhi Johari. (1989). *Fonologi Dialek Melayu Kuching (Sarawak)* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mondy, B.R. Wayne.(1998). *Paperback, Student Edition of Textboook*. Human Resource Management.

Mohammed Azlan Mis. (2010). Medium Perantara Pelbagai Suku kaum di Sarawak : Kajian Lingua Franca. *Gema Online Journal of Language Studies*. 12(3):903-922.

Noor Aina Dani. (1996). Pemindahan Bahasa: Daripada Bahasa Ibunda kepada Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*. Jilid 4 (3):409-451.

Noor Aina Dani (2002). Tabu dalam Masyarakat Melayu di sarawak. *Monograf Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu*. (hlm. 21-28). Universiti Putra Malaysia.

Noor Aina Dani & Mhd Amin Arshad.(2004). Teori dan Realiti Perubahan Bahasa: Daripada Bahasa Ibunda kepada Bahaasa Melayu. *Jurnal Bahasa*. Jilid 4 (3):409-451.

Noor Aina Dani, Saadah Binti Hj. Jaafar, Zuraini Bte Seruji & Reduan bin Abang Amir. (2011) Asimilasi Bermacam Jenis Kata Melayu Pemilikan Etnik Dusun Di Sabah: *Jurnal Melayu*. Jilid 8: 66-90.

Pateda, Mansoer.(1988). *Linguistik Sebuah Pengantar*. Bandung, Indonesia: Angkasa.

Patriantoro, Sumarlam, dan Inyo Yos Fernandez. (2012). Dialektologi Bahasa Melayu di Pesisir Kabupaten Bengkayang. *Kajian Linguistik dan Sastra*. Vol. 24 (1): 101-112.

Peter Martin. (1992). Shifts in Language Allegiance In Borneo: the Belait Community Of Brunei Darussalam. *Borneo Research Bulletin*. Vol. 24: 16-22.

Peter M. Kedit. (1989). *Orang Ulu Cultural Heritage*. Kuching: Sarawak Museum.

Postal P.M.(1968). *Aspects of Phonological Theory*. New York: Harper & Row.

Roksana Bibi Abdullah (2002). *Pemilihan dan Penyisihan Bahasa di Kalangan Masyarakat Melayu di Singapura*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya.

Ruth, W. (2011). *Language, Power and Identity*. Lancaster, United Kingdom: Cambridge University Press.

Sinaga, R. (1989). *Journalism and Conflict in Indonesia: From Reporting Violence to Promoting Peace*. Oxford, UK: Routledge.

Slobin, D. I. (2005). Linguistic representations of motion events: What is signifier and what is signified? In C. Maeder, O. Fischer, & W. Herlofsky. *Iconicity Inside Out: Iconicity in Language and Literature* 4 (pp. 307-322). Amsterdam :John Benjamins.

Surjadi, P.A. (1988). *Pengantar Teori Kebarangkalian dan Statistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Teo Kok Seong.(1996). Tabu Bahasa: Kedudukannya dalam Masyarakat. *Pelita bahasa*. 8 (2): 41-43.

Teo Kok Seong. (2005). Asimilasi Dialek Melayu Kelantan dan Dialek Thai Kelantan dalam Bahasa Cina Peranakan Kelantan. *Jurnal Bahasa*. 5 (1): 68-82.

Thomson, G.S., & Kaufman, T. (1991). *Language Contact, Creolization and Genetic Linguistics*. Oxford, England: University of California Press.

Trudgill, P. (2000). *Sociolinguistics. An introduction to Language and Society*. England: Penguin Books.

Wan Robiah Meor Osman & Idris Aman. (2006). Variasi Sosial Bahasa Melayu Di Kuching. *Jurnal Bahasa*. 6 (2): 212-250.

Weber, G.(1991). Beberapa Catatan tentang Kemerosotan dan Kejatuhan Bahasa. *Jurnal Bahasa*. 35(4):296-310.

Wiktionary.(2013). *Malay Swadesh List*. [en.wiktionary.org/wiki/Appendix: Malay-Swadesh-List](http://en.wiktionary.org/wiki/Appendix:Malay-Swadesh-List).

Yusuf Jalli (2011). Paparan Sosio-budaya Masyarakat Dalam Lirik Lagu, Dialek Melayu Kuching (Sarawak) di Laman Sesawang :Youtube, yusufjalli.blogspot.com/2011..../paparan

Zainal Abidin Merjan. (1992). *Daftar Kata Bahasa Malaysia-Dialek Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.